

19/05/1997

Membina masyarakat bersih dan sihat

Sut

MINGGU lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat supaya mengamalkan hidup yang sihat. Sementara itu tema sambutan Maal Hijrah tahun ini pula ialah 'Akhlak Mulia Umat Sejahtera'.

Kita dari hati ke hati mengajak pembaca melihat kata kunci daripada dua perkara itu. Kata kunci yang akan kita temui ialah 'sihat', 'akhlak', 'mulia', dan akhirnya 'sejahtera'.

Daripada kata kunci itu kita dapat melihat kaitan yang rapat di antara satu dengan lainnya. Kesihatan tidak lahir begitu saja melainkan hasil usaha mendidik jiwa dan sikap serta tabiat individu dan masyarakat bangsa sejak masih kecil lagi.

Begitu juga akhlak mulia tidak mungkin tercipta melainkan melalui didikan dan asuhan. Demikian juga kesejahteraan, tidak mungkin lahir dalam sebuah masyarakat kotor yang penuh berpenyakit dan rendah akhlaknya.

Semua hal yang kita sebutkan - sihat, sejahtera dan mulia - bukan saja berhubung soal fizikal malah ikut sama adalah persoalan rohani, persoalan kejiwaan. Kesihatan badan atau fizikal membayangkan kesihatan mental atau kerohanian. Mental atau kerohanian tidak mungkin sihat kalau badan atau fizikal tidak sihat.

Demikian juga kalau dihubungkan dengan tema Maal Hijrah, akhlak mulia umat sejahtera. Seseorang yang tidak bersih, badan dan jiwa, tentunya tidak mungkin melahirkan umat yang mulia akhlaknya dan akhirnya mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera.

Seorang yang tidak bersih jiwanya kerana dibaluti penyakit dengki, khianat dan dalam kerja hariannya mengamalkan rasuah, pilih kasih, nepotisme, parokial dan tidak adil akan sentiasa gelisah jiwa raganya.

Begitulah pentingnya kebersihan untuk memastikan hidup kita dalam keadaan sihat dan sejahtera. Kebersihan badan saja pun tidak cukup untuk mencapai kehidupan yang sejahtera apalagi untuk menjadi umat yang sejahtera.

Makna sejahtera itu tidak seharusnya dihubungkan dengan hanya kemampuan individu dan masyarakat memenuhi keperluan asasi, seperti makan dan minum, rumah tempat tinggal, elektrik dan air saja. Pengertian sejahtera turut membabitkan persoalan roh dan jiwa.

Tanggungjawab bagi menjaga kebersihan sesuatu tempat atau kawasan yang lebih luas terletak pada bidang kuasa majlis perbandaran. Tetapi jika setiap individu dan anggota masyarakat dalam sesebuah kawasan majlis perbandaran itu tidak membantu menjaga kebersihan, tidak mungkin kebersihan dapat dinikmati.

Ada orang yang berpendapat disebabkan tanggungjawab menjaga kebersihan adalah tanggungjawab pihak tertentu, maka mereka dengan sengaja membuang sampah merata-rata. Sesungguhnya sikap begitu tidak tepat.

Sebuah masyarakat yang sihat tidak mungkin lahir daripada keadaan alam sekitar yang kotor. Alam sekitar yang kotor tidak mungkin melahirkan sebuah masyarakat yang sejahtera kerana kekotoran akan merebakkan pelbagai jenis penyakit.

Sewaktu kita masih kecil, orang tua kita selalu mengingatkan apabila kita berjalan dan terjumpa sebarang halangan di jalan, sama ada kaca yang boleh melukakan kaki jika terpijak atau sebarang jenis duri supaya, kita membuangnya. Katanya perbuatan yang sedemikian beroleh pahala.

Mengenai tema Maal Hijrah, kita ingin menyentuh berhubung kebersihan masjid. Memang banyak masjid yang bersih, dijaga dengan rapi. Tetapi kita

juga harus mengakui banyak masjid yang kotor.

Tidak banyak masjid yang mempunyai tandas yang dijaga rapi. Begitu juga permaidani, tempat makmum sujud waktu sembahyang tidak terjaga kebersihannya. Memang kelihatannya bersih, tetapi sesungguhnya banyak debu yang terpendam di sebalik keindahan warnanya itu.

Dalam hal ini kita mengucapkan tahniah kepada Plus yang sehingga kini masih dapat mengurus dengan baik tandas yang dibinanya di sepanjang Lebuhraya Timur-Barat.

Bagaimanapun kita dukacita kerana banyak kedai makan yang masih kotor, tandasnya hampir tidak layak di masukki kecuali jika terpaksa. Pihak majlis perbandaran dan kerajaan tempatan mestilah mengambil tindakan tegas bagi memastikan persoalan kebersihan ini diberi perhatian utama.

Bagaimana kita hendak mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera kalau alam sekitar kita masih kotor dan tidak terjaga dengan baik.

Kebersihan, badan dan jiwa amat penting. Hanya dengan yang demikian kita dapat melahirkan masyarakat yang tinggi akhlak dan sejahtera hidupnya.

(END)